



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI PENDIDIK VOKASIONAL PERTANIAN DAN PENTERNAK
TENTANG PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM
INDUSTRI FIDLOT**

ROSLEE ABDUL WAHAB

FPP 2009 20



**PERSEPSI PENDIDIK VOKASIONAL PERTANIAN DAN PENTERNAK
TENTANG PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM
INDUSTRI FIDLOT**

ROSLEE ABDUL WAHAB

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains**

Oktober 2009



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains

**PERSEPSI PENDIDIK VOKASIONAL PERTANIAN DAN PENTERNAK
TENTANG PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM
INDUSTRI FIDLOT**

Oleh

ROSLEE ABDUL WAHAB

Oktober 2009

Pengerusi : Profesor Madya Ramlah Hamzah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pembangunan sumber manusia merupakan elemen penting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan. Ia dapat dicapai melalui pendidikan berkualiti yang mampu memastikan tenaga kerja kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa dan mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan yang kian meningkat. Melalui sistem pendidikan teknikal dan vokasional penyediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi akan dapat direalisasikan bagi memenuhi keperluan industri semasa.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti 1) pengetahuan dan kemahiran sedia ada pendidik vokasional pertanian dan penternak fidlot dan 2) pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam industri penternakan fidlot di Malaysia dan 3) mengenal pasti perbezaan daripada segi



pengetahuan dan kemahiran berdasarkan faktor terpilih iaitu jantina, umur, kelulusan akademik, pengalaman mengajar, kursus yang dihadiri, tempoh operasi ladang dan skala ladang.

Kajian kuantitatif deskriptif ini menggunakan soal selidik dalam bentuk skala Likert 5-mata yang dibina oleh penyelidik untuk mendapat maklumat tentang persepsi pendidik vokasional pertanian dan penternak fidlot terhadap pengetahuan dan kemahiran sedia ada dan yang diperlukan dalam industri penternakan fidlot. Seramai 52 orang pendidik vokasional pertanian yang mengajar di Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan seramai 144 orang majikan industri fidlot telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS.

Hasil kajian menunjukkan persepsi penternak fidlot berbeza dengan persepsi pendidik vokasional pertanian dari aspek seperti pengurusan, pengurusan kandang, menyediakan makanan program kesihatan dan mengurus kawasan tanaman makanan. Kajian ini mencadangkan supaya semakan kurikulum vokasional pertanian dilakukan dengan melibatkan pendidik vokasional pertanian dan penternak fidlot bagi memastikan apa yang diajar di sekolah menepati apa yang diperlukan dalam industri penternakan fidlot.

Abstract of thesis to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the Degree of Master of Science

**PERCEPTION OF AGRICULTURE VOCATIONAL TEACHERS AND
EMPLOYERS REGARDING THE KNOWLEDGE AND SKILLS NEEDED IN
FEEDLOT INDUSTRY**

By

ROSLEE ABDUL WAHAB

October 2009

Chairman : Associate Professor Ramlah Hamzah, PhD.

Faculty : Educational Studies

Human capital development is one of the most important elements in order for a country to be competitive and relevance. A good quality of education is needed to enable the workforce to remain relevant with the needs of the present job market and to withstand challenges and the increase of competitive atmosphere, they need a good quality of education. Technical and vocational education plays an important role to prepare a workforce of high quality that caters for the need of the present market.

The objectives of this research are to determine the perception of vocational agriculture educators and feedlot employers regarding 1) their level knowledge and skills on feedlot livestock industry; 2) the knowledge and skills that are required by the feedlot livestock industry and 3) to determine the difference between knowledge and skills based on the



chosen factors like gender, age, academic qualifications, teaching experience, courses attended, duration of the farm operation and farm scale.

The research uses the descriptive quantitative method. A questionnaire was developed by the researcher to obtain information on the perception of vocational agriculture educators and feedlot industry employers on their knowledge and skill needed to work in feedlot industry. Likert scale five points was used to measure the items in the questionnaire. A total of 52 vocational agriculture educators who were teaching in Sekolah Menengah Teknik (SMT) and 144 respondents from feedlot industry employers were chosen as respondents for this research. The data obtained were analysed using the SPSS.

The findings indicated that there are different between the vocational agriculture educators' and feedlot industry employers perception regarding knowledge and skills needed in feedlot industries. However, there were differences in their perception on certain tasks in feedlot application aspect. This study suggest, that there is a need to revise the vocational agriculture curriculum. Vocational agriculture educators, the employers and the feedlot industries should play an important role in determining the direction of the vocational agriculture subjects. This is to ensure that the vocational agriculture graduates are equipped with knowledge and have the essential skills as required by the feedlot industries.

PENGHARGAAN

Segala pujian dan syukur kepada Allah SWT atas segala rahmat dan limpahan kurnia-NYA dan salam selawat atas Junjungan Besar Muhammad S.A.W. Alhamdulillah setelah melalui banyak cabaran dalam proses penyediaannya, akhirnya sempurna sudah penulisan tesis ini.

Dengan lafaz syukur saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada individu dan institusi yang telah membantu dalam pelbagai aktiviti sepanjang sesi pembelajaran dan penyediaan tesis. Tiada kata yang cukup untuk menyatakan luahan hati atas sokongan yang ikhlas sehingga sempurnanya kerja akademik ini.

Pertama, kepada Prof. Madya Dr. Ramlah Hamzah selaku pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberi idea konstruktif, pandangan kritis, bimbingan, sokongan dan kemudahan dalam penyediaan tesis. Kedua, kepada Prof. Madya Dr. Mohd Ibrahim Nazri selaku ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang banyak memberi bimbingan, dorongan dan teguran dengan sikap penuh bertimbang rasa cadangan yang sangat bererti untuk pembaikan tesis ini. Ketiga kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan khususnya kepada Prof. Madya Dr. Abdul Patah Abdul Malek, Prof. Madya Dr. Zakaria Abd Rahman, Prof. Madya Dr. Rohani Ahmad Tarmizi dan Dr.



Muhamad Sharif yang telah mencurahkan ilmu dan pengetahuan yang amat berharga.

Seterusnya terima kasih diucapkan kepada Dr. Faisal bin Ahmad selaku penolong pengarah Unit Pedaging, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah membantu dalam menjayakan kajian yang melibatkan penternak fidlot. Demikian juga terima kasih kepada En. Rusli Sharkom selaku Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Teknikal dan En. Samsuri Buang selaku penyelia Sains Pertanian, Jabatan Pendidikan Teknikal yang telah banyak membantu dalam memberi maklumbalas dan kemudahan selama melaksanakan penyelidikan yang melibatkan pendidikan pertanian di sekolah.

Penghargaan dan terima kasih juga disampaikan kepada SMT Teluk Intan, SMT Rembau, SMT Langkawi, SMT Chenor dan SMT Lahad Datu yang telah memberi ruang seluas-luasnya dan kerjasama untuk saya menjayakan kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perak yang turut memberi kebenaran menjalankan kajian rintis terhadap guru – guru pertanian di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Kepada rakan-rakan yang telah membantu sepanjang sesi pembelajaran dan penyediaan tesis ini, diucapkan terima kasih sebanyak-banyaknya kepada Cik Ariza Masiron, En. Sattar Rasul, En. Amin Ariffin, En. Munawar, En. Nazri, Pn.

Shazliza, En. Basir, En. Jumadi, Pn. Rohana dan rakan-rakan lain yang tidak saya sebutkan di sini.

Akhirnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga disampaikan kepada keluarga, teristimewa kepada isteri Nor Hamsiah, anak – anak tersayang Muhammad Hafiz, Muhammad Syafiq, Nur Alifah Ilyana dan Nur Zahirah yang telah memberi kekuatan dan dorongan serta mendoakan dengan sabar dan ikhlas sehingga impian menjadi kenyataan. Semoga usaha ini dapat memberi inspirasi berharga untuk mereka dalam mencapai cita-citanya. Rasa terima kasih yang tidak ternilai disampaikan pula kepada kedua ibubapa Rahamah Mat Deli dan Abdul Wahab Abdul Rahman yang tiada henti-hentinya membimbing dan mendidik saya untuk sentiasa belajar.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 22 April 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Roslee bin Abdul Wahab untuk menilai Tesis Master beliau yang bertajuk "Persepsi Guru dan Penternak tentang Pengetahuan dan Kemahiran yang diperlukan dalam Bidang Industri Penternakan Fidlot" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut :

Turiman Saundi, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rosini Abu, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abd Patah Abd Malek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Jailani Md Yunos, PhD

Profesor
Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :



Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Ramlah Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Ibrahim Nazri, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 10 Disember 2009



PERAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah – ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau pun institusi pengajian yang lain.

ROSLEE ABDUL WAHAB

Tarikh : 23 Oktober 2009

KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vii
PERAKUAN	x
KANDUNGAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Kurikulum Pendidikan Vokasional Pertanian	5
1.3	Latarbelakang Kajian	7
1.4	Latarbelakang Pernyataan Masalah	12
1.5	Pernyataan Masalah	16
1.6	Objektif Kajian	17
1.7	Persoalan Kajian	18
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Limitasi Kajian	19
1.10	Definisi Istilah	20
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	21
2.2	Pengetahuan dan Kemahiran Teknikal dalam Mata Pelajaran Sains Pertanian	21
2.3	Persepsi Majikan Industri Pertanian	32
2.4	Sektor Pertanian Negara	34
2.5	Kurikulum Pendidikan Sains Pertanian	36
2.5.1	Peringkat Sekolah Menengah (Vokasional)	39
2.6	Cabaran dan Halatuju Pendidikan Pertanian Peringkat Sekolah.	44
2.7	Perkembangan Industri Ternakan	46
2.8	Penternakan Lembu Secara Fidlot	50
2.9	Teori Kajian	54
2.10	Kerangka Konsep Kajian	55



3	METHODOLOGI	
	3.1 Pengenalan	58
	3.2 Rekabentuk Kajian	58
	3.3 Tempat Kajian	58
	3.4 Sampel Kajian	59
	3.5 Instrumen Kajian	60
	3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	62
	3.7 Pengumpulan Data	63
	3.8 Penganalisan Data	65
4	DAPATAN KAJIAN	
	4.1 Pendahuluan	67
	4.2 Latarbelakang Responden	67
	4.2.1 Latarbelakang Pendidik Vokasional Pertanian	68
	4.2.2 Latarbelakang Penternak Fidlot	69
	4.3 Pengetahuan Sedia Ada dan yang Diperlukan Oleh Pendidik Vokasional Pertanian dan Penternak Fidlot.	73
	4.4 Min dan Sisihan Piawai Kemahiran Sedia Ada dan yang Diperlukan oleh Pendidik Vokasional Pertanian dan Penternak Fidlot	81
	4.5 Perbezaan Pengetahuan dan Kemahiran yang diperlukan dalam Penternakan Lembu secara Fidlot.	87
	4.6 Perbezaan Pengetahuan dan Kemahiran Pendidik Vokasional Pertanian dengan Penternak Fidlot.	98
	4.7 Pengetahuan dan Kemahiran Pendidik Vokasional Pertanian	102
	4.7.1 Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Pendidik Vokasional Pertanian.	102
	4.7.2 Alatan dan Kemudahan Pengajaran Pembelajaran di Sekolah.	104
	4.7.3 Perbezaan Pengetahuan dan Kemahiran antara Pendidik Vokasional Pertanian dengan Penternak Fidlot.	105
	4.8 Pengetahuan dan Kemahiran Penternak Fidlot	106
	4.8.1 Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Penternak Fidlot	107
	4.8.2 Operasi Ladang Fidlot	109
	4.8.3 Perbezaan Pengetahuan dan Kemahiran antara Pendidik Vokasional Pertanian dengan Penternak Fidlot.	111
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	5.1 Pengenalan	113
	5.2 Rumusan	113
	5.2.1 Objektif kajian	113
	5.2.2 Metodologi	114
	5.3 Perbincangan	114

5.3.1	Pengetahuan Sedia Ada Pendidik Vokasional dan Penternak Fidlot	114
5.3.2	Pengetahuan yang diperlukan oleh Pendidik Vokasional dan Penternak Fidlot	115
5.3.3	Kemahiran Sedia Ada Pendidik Vokasional dan Penternak Fidlot	116
5.3.4	Kemahiran yang diperlukan Pendidik Vokasional dan Penternak Fidlot	117
5.3.5	Perbezaan Pengetahuan dan Kemahiran Penternak Fidlot berdasarkan pembolehubah demografi	118
5.3.6	Perbezaan Pengetahuan dan Kemahiran yang diperlukan antara Pendidik Vokasional dengan Penternak Fidlot	120
5.4	Kesimpulan	122
5.5	Implikasi Kajian	124
5.6	Cadangan	125

RUJUKAN	129
----------------	-----

LAMPIRAN		Muka Surat
A	Soal Selidik Pendidik Vokasional	137
B	Soal Selidik Penternak Fidlot	144
C	Soalan Temubual Pendidik Vokasional	152
D	Soalan Temubual Penternak Fidlot	153
E	Senarai Penyemak Kesahan Kandungan	155
F	Reliability Analisis – Scale (Alpha) Pendidik Vokasional	156
G	Surat Kesahan Soal Selidik	157
H	Surat Sokongan Unit Fidlot, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	167
I	Surat Kebenaran Menggunakan NOSS, Kementerian Sumber Manusia	168
J	Surat Kebenaran – Kementerian Pelajaran Malaysia	169
BIODATA PENULIS		171

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
4.2.1.1	Latarbelakang Pendidik Vokasional Pertanian	69
4.2.2.1	Latarbelakang penternak fidlot	70
4.2.2.2	Skala ladang penternak fidlot	71
4.2.2.3	Tempoh operasi ladang dan umur	72
4.2.2.4	Tempoh operasi ladang berkaitan skala ladang	72
4.3.1	Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan sedia ada dan yang diperlukan dalam pengurusan harian.	73
4.3.2	Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan sedia ada dan yang diperlukan dalam pengurusan harian	75
4.3.3	Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan sedia ada dan yang diperlukan dalam menyediakan makanan	76
4.3.4	Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan sedia ada dan yang diperlukan dalam program kesihatan	77
4.3.5	Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan sedia ada dan yang diperlukan dalam mengurus kawasan tanaman makanan	78
4.3.6	Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan sedia ada dan yang diperlukan dalam memproses sisa ladang	79
4.3.7	Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan sedia ada dan yang diperlukan oleh pendidik vokasional pertanian dan penternak fidlot berdasarkan bidang kerja.	80
4.4.1	Min dan sisihan piawai bagi kemahiran sedia ada dan yang diperlukan dalam pengurusan.	81
4.4.2	Min dan sisihan piawai bagi kemahiran sedia ada dan yang diperlukan dalam pengurusan kandang	82
4.4.3	Min dan sisihan piawai bagi kemahiran sedia ada dan yang diperlukan dalam menyediakan makanan	83
4.4.4	Min dan sisihan piawai bagi kemahiran sedia ada dan yang diperlukan dalam pengurusan kesihatan	84
4.4.5	Min dan sisihan piawai bagi kemahiran sedia ada dan yang diperlukan dalam mengurus kawasan tanaman makanan	85
4.4.6	Min dan sisihan piawai bagi kemahiran sedia ada dan yang diperlukan dalam memproses sisa ladang	86
4.4.7	Min dan sisihan piawai bagi kemahiran sedia ada dan yang diperlukan oleh pendidik vokasional pertanian dan penternak fidlot	87
4.5.1	Independent sampel t-test bagi pengetahuan sedia ada penternak fidlot	88
4.5.2	Independent sampel t-test bagi kemahiran sedia ada dan kemahiran diperlukan oleh penternak fidlot	90

Jadual		Muka Surat
4.5.3	Keputusan ANOVA bagi pengetahuan sedia ada mengikut pembolehubah demografi	91
4.5.4	Keputusan ANOVA bagi pengetahuan yang diperlukan mengikut pembolehubah demografi	92
4.5.5	Keputusan ANOVA bagi kemahiran sedia ada mengikut pembolehubah demografi	93
4.5.6	Keputusan ANOVA bagi kemahiran yang diperlukan mengikut pembolehubah demografi	94
4.5.7	Keputusan ujian Post Hoc bagi pengetahuan sedia ada mengikut tempoh operasi ladang	95
4.5.8	Keputusan ujian Post Hoc bagi pengetahuan diperlukan mengikut tempoh operasi ladang	96
4.5.9	Keputusan ujian Post Hoc bagi kemahiran sedia ada mengikut tempoh operasi ladang	97
4.5.10	Keputusan ujian Post Hoc bagi kemahiran diperlukan mengikut tempoh operasi ladang	98
4.6.1	Keputusan independent sample t-test bagi pembolehubah pengetahuan diperlukan.	99
4.6.2	Keputusan Independent sample t-test bagi pembolehubah kemahiran diperlukan.	101

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.11.1		56



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Struktur ekonomi negara kini sudah berubah. Misi kerajaan adalah untuk mencorakkan semula sektor pertanian supaya dapat menjadi jentera ketiga pertumbuhan ekonomi selepas sektor pembuatan dan sektor perkilangan. Selaras dengan ini, usaha-usaha untuk melahirkan sebuah negara pertanian yang maju haruslah bermula dari bawah. Pastiya pengenalan pendidikan pertanian di peringkat sekolah mampu membantu kerajaan Malaysia untuk merealisasikan matlamat ini (JPTek, 2007).

Pembangunan sumber manusia perlu digilap kerana ia merupakan salah satu elemen terpenting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi. Oleh itu kualiti, pendidikan perlu diutamakan supaya pelajar dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni untuk menjadi tenaga kerja yang menghayati budaya kerja berprestasi tinggi. Pendidikan berkualiti mampu memastikan tenaga kerja kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa dan mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan yang kian meningkat.

Untuk mencapai tujuan itu, sektor pertanian perlu menjadi lebih dinamik dengan meningkatkan produktiviti serta daya saing melalui kegiatan menambah nilai dan menggunakan teknologi moden. Pembangunan sumber tenaga pertanian bagi

meningkatkan kecekapan dan memudahkan penyebaran serta penerimaan teknologi adalah penting dalam usaha memajukan pertanian. Program latihan dan kemudahan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan masyarakat tani dibekalkan dengan kemahiran teknikal dan teknologi bagi meningkatkan produktiviti.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menubuhkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang dipertanggungjawabkan bagi merancang, menyelaras dan menilai program latihan kemahiran selaras dengan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bagi melahirkan pekerja dan usahawan tani yang berpengetahuan dan berkemahiran (*Skill-based*). Sehingga kini, sebanyak 63 buah NOSS telah dibangunkan meliputi bidang-bidang tanaman, ternakan, perikanan, pemprosesan makanan dan pengedaran hasil-hasil pertanian.

Malaysia kini sedang melalui transformasi ekonomi dan sedang pantas memasuki zaman perindustrian yang pesat. Perkembangan industri yang semakin pesat ini menunjukkan bahawa industri menjadi lebih berteknologi. Justeru, negara memerlukan lebih ramai golongan tenaga mahir untuk memenuhi permintaan dan keperluan industri. Bagi memenuhi permintaan dan keperluan industri ini, negara perlu mengeluarkan tenaga mahir dari pelbagai kemahiran yang dapat menyesuaikan kepakaran yang ada untuk diaplikasikan kepada situasi semasa.

Roseannah (2004) menyatakan tentang pentingnya menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti tinggi supaya masyarakat sebegini dapat mengaplikasikan kemahiran mereka dengan persekitaran industri yang sedang berubah dan komited untuk cemerlang.

Pembangunan yang berlaku di Malaysia sepanjang dua dekad ini telah menunjukkan pendidikan dan latihan memainkan peranan penting untuk mencapai matlamat negara. Kenyataan ini jelas menunjukkan pendidikan yang bermakna dan sesuai perlu ada untuk memastikan penguasaan kebolehan dan kemahiran tertentu dalam sesuatu mata pelajaran berlaku.

Menurut Poh (1996) adalah perlu kerajaan mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan mampu memandang ke hadapan dan bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa hadapan. Kerajaan Malaysia menyedari bahawa proses dan pembangunan industri yang pesat bergantung kepada kemajuan sains dan teknologi. Di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) mengenalpasti sains dan teknologi sebagai syarat utama untuk kemajuan ekonomi dan secara eksplisit membentuk strategi-strategi pendidikan untuk membangunkan sains dan teknologi. Rancangan Lima Tahun Malaysia kesemua menekankan peranan sains dan teknologi dalam strategi pembangunan negara. Kepentingan pendidikan sains dan teknologi lebih ketara lagi apabila sembilan cabaran yang digariskan dalam Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri Malaysia pada Persidangan *Malaysian Business Council* pada 28 Februari 1991, terutamanya cabaran wawasan keenam.

Antara kesembilan cabaran ini, cabaran keenam melibatkan pembentukan masyarakat saintifik dan inovatif dan memandang ke hadapan, iaitu bukan sebagai pengguna teknologi tetapi sebagai penyumbang kepada masyarakat saintifik dan teknologi pada masa hadapan. Negara perlu menghasilkan masyarakat yang lengkap dengan

pengetahuan dan kepakaran serta bilangan tenaga yang mencukupi dalam era berteknologi, justeru sistem pendidikan perlu dapat memupuk kemahiran dan sikap saintifik dan sentiasa mencari jawapan bagaimana untuk memperbaiki kurikulum dan maju ke hadapan.

Melalui Wawasan 2020, Malaysia akan terus bergerak lebih pantas ke hadapan . Dalam usaha mengubah system sedia ada kepada suatu system yang dapat membentuk warga negara kritis, kreatif dan berketerampilan, maka kurikulum vokasional telah disemak dan digubal semula dengan tujuan bagi memenuhi keperluan Wawasan Negara. Kementerian Sumber Manusia (2005) mendapati kebanyakan graduan yang baru menamatkan pengajian tidak mempunyai kompetensi yang diperlukan oleh majikan. Antara faktor yang menyebabkan pengangguran ialah ketidaksepadanan antara kemahiran (*skill mismatch*) yang diperlukan oleh pasaran buruh dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan kajian Ahmad Zaini (2005) yang menyatakan bahawa terdapat 80,000 graduan menganggur dan antara sebabnya ialah mereka tidak dapat memenuhi kehendak pekerjaan. Kebanyakan majikan mendapati graduan yang diambil bekerja tidak dapat melaksanakan kerja seperti yang diharapkan.

1.2 Kurikulum Pendidikan Vokasional Pertanian

Kewujudan pendidikan pertanian di sekolah menjadi tapak penyediaan sumber tenaga manusia dalam sektor pertanian yang kemudiannya akan diteruskan oleh pusat pengajian

tinggi dalam melahirkan golongan profesional dan teknokrat dalam bidang pertanian. Hal ini sejajar dengan dasar pertanian negara yang mahukan pengembelengan sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan. Sekiranya terdapat kerelevanan kursus yang ditawarkan oleh sekolah-sekolah berkaitan dengan pendidikan pertanian dengan kerjaya, maka peluang untuk mendapat pekerjaan dan melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi dapat ditingkat di kalangan pelajar. Hal ini selanjutnya akan mengurangkan masalah pengangguran yang semakin tenat dalam negara kita (Jabatan Pendidikan Teknikal, 2006)

Kurikulum ini disediakan sebagai panduan kepada guru dalam usaha membimbing murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran dengan berkesan. Penguasaan prinsip dan konsep dalam mata pelajaran ini melalui pelbagai aktiviti pembelajaran akan dapat membantu murid menguasai pengetahuan asas bidang yang dipelajari bagi melahirkan tenaga kerja yang produktif dan kreatif.

Secara tradisinya kurikulum pendidikan teknikal dan vokasional dibangunkan dalam situasi yang penuh cabaran dengan hanya mengambil kira sedikit sahaja pertimbangan terhadap proses pembangunan kurikulum itu. Bagi menjadikan kurikulum teknikal dan vokasional itu sesuai dengan perkembangan industri semasa maka langkah-langkah sewajarnya haruslah diambil.

Setiap murid mempunyai keupayaan dan cara belajar yang berbeza. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu digunakan supaya proses penerimaan pengetahuan dan penguasaan kemahiran menjadi lebih berkesan. Justeru, kurikulum

berbentuk modular dan pendekatan kontekstual diperkenalkan bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan lebih fleksibel dan berkesan.

Bagi menjadikan kurikulum aliran pendidikan vokasional pertanian ini lebih mantap dan relevan, unsur keusahawanan diterap merentasi kurikulum bagi semua bidang kursus. Asas pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang dipelajari dapat membimbing murid ke arah berkerjaya sendiri. Antara ciri penting yang perlu ada dalam kurikulum vokasional ialah responsif terhadap perubahan teknologi yang terdapat dalam komuniti. Revolusi industri dan integrasi konsep teknologikal dalam kehidupan seharian manusia memberikan satu impak kepada kurikulum pendidikan vokasional. Kurikulum itu mestilah responsif secara konsisten terhadap perubahan dunia pekerjaan. Pembangunan baru dalam pelbagai bidang sepatutnya saling berhubung dengan pembentukan kurikulum supaya lulusan itu boleh bersaing untuk mencari pekerjaan.

Kejayaan kurikulum pendidikan vokasional tidak hanya diukur melalui pencapaian prestasi pelajar semata-mata. Kurikulum sebegini dikatakan berorientasikan proses iaitu pengalaman dan aktiviti yang dilalui di persekitaran tempat belajar serta produk iaitu hasil dari pengalaman dan aktiviti lulusan. Faktor penting sesuatu produk ialah adaptasi dan kejayaan mereka di alam pekerjaan. Standard kejayaan mereka diukur melalui integrasi konsep teknologi iaitu kemahiran kerja yang afektif, kemahiran teknikal, kemahiran mengharungi cabaran kerja, kemahiran mencari kerja dan kemahiran keusahawanan. Keberkesanan kurikulum yang dilalui ialah apabila terdapat lebih peluang kerjaya bagi lulusan.

Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mendapatkan pandangan dan cadangan dari pihak industri semasa mengadakan penyelarasan program pendidikan pertanian Ia bertujuan supaya kurikulum pendidikan pertanian yang ditawarkan di peringkat sekolah dapat memenuhi kehendak industri semasa.

1.3 Latarbelakang Kajian

Pengeluaran ternakan telah berkembang dengan cemerlang dengan peningkatan *ex-farm* daripada RM 5.5 billion pada tahun 2000 kepada RM 7.1 billion pada tahun 2004. Sehingga tahun 2004, kita telah mencapai tahap sara diri bagi daging ayam, babi dan telur manakala tahap sara diri bagi daging lembu adalah 20%, daging kambing sebanyak 8% dan susu pula ialah 2.9%. Malaysia mengeluarkan 25.920 tan metrik daging lembu, 1320 tan metrik daging kambing dan 38.7 juta liter susu pada tahun 2004. Malah kerajaan perlu mengimport sebanyak 95 000 tan metrik daging lembu dari India, Australia dan New Zealand.

Sektor pertanian mempunyai potensi yang luas untuk dimajukan dan dijangka akan menjadi punca utama pendapatan negara melalui program pemodenan dan menjadikan pertanian sebagai salah satu enjin pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun sumbangan pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih kecil iaitu hanya 8.2% pada tahun 2003 berbanding sektor perkhidmatan dan pengilangan yang masing-masingnya sebanyak 56.8% dan 30.6%, namun sektor ini dijangka akan mencapai

kegemilangan di masa akan datang melalui penggunaan teknologi yang dihasilkan berasaskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Meningkatkan kesedaran masyarakat amnya dan generasi muda khususnya tentang penggunaan tenaga secara cekap adalah satu langkah jangka panjang yang wajar. Kesedaran yang dipupuk melalui system pendidikan dapat menjamin budaya kecekapan tenaga. Kecekapan tenaga dalam sektor pertanian ini dapat mengurangkan kos pengeluaran, membolehkan peningkatan kadar keuntungan serta lebih berdaya saing dalam era globalisasi ini dan seterusnya membantu negara mengurangkan import sumber tenaga dan memperbaiki imbalan pembayaran negara. Pembangunan sosioekonomi dan kualiti hidup rakyat yang lebih baik dapat dicapai (Norhayati, 2006)

Abad ke 21 adalah merupakan satu zaman yang penuh cabaran kepada semua tenaga kerja hari ini. Ini kerana para majikan terutamanya majikan industri mahukan para pekerja mereka yang berkemahiran dalam pelbagai bidang yang meliputi kemahiran "*soft skills*". Salah satu masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian adalah mereka yang menjadi petani kebanyakannya telah berumur. Oleh itu terdapat kekurangan tenaga buruh yang mendesak menyebabkan ramai pekerja asing yang dibawa masuk untuk bekerja di ladang. Di antara tahun 2003 sahaja, seramai 19 343 buruh asing tambahan telah diambil bekerja di ladang. Pada masa kini produktiviti buruh dalam sektor pertanian masih rendah iaitu sekitar 60% daripada produktiviti buruh di sektor perindustrian.